



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

MINGGU EPIDEMIOLOGI 23 (04 JUN – 10 JUN 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-23 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,608 kes berbanding 2,466 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 142 kes (5.8%). Tiga (3) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-23 tahun 2023.


Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-23 adalah sebanyak 51,331 kes berbanding 20,194 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 31,137 (154.2%). Manakala sejumlah 37 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 13 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 24 kematian.

Bilangan lokaliti hotspot pada minggu ini meningkat dengan sebanyak 95 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 82 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 71 lokaliti di Selangor, 10 lokaliti di WPKL & Putrajaya, enam (6) di Pulau Pinang, empat (4) lokaliti di Kedah serta masing-masing dua (2) lokaliti di Sabah dan Perak.

Bagi surveyan chikungunya, tiada kes telah direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-23. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 135 kes. Bagi surveyan zika, sebanyak 1,191 sampel darah dan 63 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Bangunan atau kuarters perumahan yang tidak berpenghuni dan tidak diselenggara berpotensi untuk menjadi tempat nyamuk *Aedes* membiak. Justeru, kerosakan struktur yang menyebabkan takungan air perlu diperbaiki segera untuk mengelakkan dari menjadi tempat nyamuk *Aedes* bertelur. Selain itu, bahan pembunuhan jentik-jentik boleh dibubuh di bekas takungan air untuk membunuhan jentik-jentik. Selain itu, ambil masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu bagi melaksanakan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk *Aedes* di dalam serta luar rumah/ tempat melakukan kegiatan harian. Pesakit dengan demam denggi perlu mendapatkan rawatan awal di fasiliti kesihatan serta turut disarankan agar memakai repelan nyamuk di anggota badan yang terdedah agar mengurangkan risiko penyebaran jangkitan kepada orang sekeliling. Tindakan pencegahan proaktif dan kerjasama semua pihak dapat mengurangkan ancaman demam denggi. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
23 Jun 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam dengan Minggu Epidemiologi ke-23 dan ke-22 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam sehingga Minggu Epidemiologi ke-23 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot dengan Minggu Epidemiologi ke-23 tahun 2023